



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KENYATAAN MEDIA

PEPERIKSAAN *BRUNEI CAMBRIDGE GCE 'O', 'AS', 'A' LEVEL* DAN *IGCSE* SESI OKTOBER/NOVEMBER 2021

Kementerian Pendidikan / Isnin, 13 Safar 1443H bersamaan 20 September 2021M - Dengan nasihat dan kerjasama Kementerian Kesihatan dalam mengekang penularan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, Kementerian Pendidikan dengan ini memaklumkan bahawa pelaksanaan peperiksaan bertulis bagi *Brunei Cambridge GCE 'O', 'AS', 'A' Level* dan *IGCSE* sesi Oktober/November 2021 akan diganti dengan penilaian *School Assessed Grades (SAG)*. *SAG* ini merangkumi markah pelajar sepanjang tahun 2021. Ia merupakan penilaian alternatif yang telah disediakan oleh *Cambridge Assessment International Education (Cambridge International)* dan telah digunapakai bagi negara-negara yang terjejas oleh wabak pandemik COVID-19 semenjak Tahun 2020. Penilaian ini adalah sebanding dengan peperiksaan bertulis secara bersemuka.

Hasil penelitian dan perundingan bersama badan peperiksaan antarabangsa iaitu Cambridge International melalui penilaian alternatif ini akan membolehkan pelajar-pelajar mendapat kelayakan atau gred.

Melalui kaedah ini, pihak sekolah akan menyertakan *portfolio* bagi setiap pelajar yang mengandungi tiga (3) jenis *substantial work* atau *tugasan besar* bagi setiap subjek. *Substantial work* ini merupakan penilaian tugas pelajar sepanjang pembelajaran bagi tahun akademik 2021. Ini termasuklah tugas seperti berikut:

- i. Kertas soalan peperiksaan yang lengkap mengikut sukatan mata pelajaran dengan durasi 1 jam atau lebih.
- ii. Kerja-kerja khusus yang lengkap mengikut sukatan mata pelajaran.
- iii. Kombinasi soalan-soalan yang diambil daripada kertas peperiksaan yang terdahulu.
- iv. Kertas soalan Ujian Kelayakan.
- v. *Extended project work* yang diberikan oleh pihak sekolah.
- vi. Tugas yang diberikan seperti *essays, assignments, problems* dan *practical*.

Pemilihan penilaian tugas bagi *substantial work* pelajar-pelajar adalah tertakluk kepada ketetapan pihak sekolah-masing-masing.

Calon sekolah yang telah mendaftar bagi peperiksaan peringkat 'AS' pada sesi Oktober/November 2021 ini akan diatitkan untuk menduduki peperiksaan tersebut pada sesi Mei/Jun 2022. Bagi calon persendirian yang akan menduduki peperiksaan Brunei-Cambridge GCE 'O', 'AS', 'A' Level dan IGCSE sesi Oktober/November 2021, pendaftaran mereka akan ditukar ke sesi Mei/Jun 2022. Walau bagaimanapun, calon persendirian juga dibolehkan untuk menarik diri sepenuhnya daripada peperiksaan Oktober/November 2021 tanpa perlu didaftarkan semula ke dalam peperiksaan sesi Mei/Jun 2022.

Di kesempatan ini, Kementerian Pendidikan ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua warga sekolah khususnya guru-guru, ibu bapa / penjaga di atas kerjasama bagi memastikan sesi penilaian bagi pelajar-pelajar yang menduduki Peperiksaan *Brunei Cambridge GCE 'O', 'A' Level* dan *IGCSE* sesi Oktober/November 2021 dapat diteruskan dalam format alternatif terutama sekali dalam keadaan negara berhadapan dengan wabak COVID-19.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan berhubung dengan peperiksaan berkenaan, pihak-pihak berkepentingan boleh menghubungi Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan di talian 2380630/2380776 semasa waktu bekerja atau melalui emel exam.dept@moe.gov.bn atau jbtpeperiksaan.helpdesk@moe.gov.bn.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Pendidikan

Tel.: 238 1301

Fax: 238 0703

Email: feedback@moe.gov.bn

Website: www.moe.gov.bn

Twitter: MoEducation Brunei

Instagram: [moe_brunei](https://www.instagram.com/moe_brunei)

Facebook: Ministry of Education Brunei Darussalam